

Angka Giliran _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKA 414 – Etnografi Peribumi Malaysia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A dan Bahagian B di atas kertas soalan. Pilih **SATU** soalan sahaja dari Bahagian C.

Gunakan ruang jawapan di dalam kertas soalan ini untuk menjawab soalan-soalan Bahagian B dan Bahagian C.

BAHAGIAN A (40 markah)

Jawab semua soalan bahagian ini. Bulatkan jawapan yang betul.

1. Mengikut klasifikasi bahasa, semua bahasa kumpulan Orang Asli tergolong dalam rumpun bahasa:
 - A. Austronesia : Malayo-Polynesia
 - B. Austroasiatic : Mon-Khmer
 - C. Sino-Tibetan : Shan
 - D. Malayo-Polynesia : Sama
 - E. Austroasiatik : Proto-Malay

2. Orang Asli dari suku Kensiu, Jahai, Lanoh, Bateq, Kintak-Bong dan Mendriq ialah dari rumpun kumpulan:
 - A. Semai
 - B. Melayu Asli
 - C. Negrito (Semang)
 - D. Senoi
 - E. Austronesia

3. Kumpulan dari rumpun _____ ialah yang terkecil di Semenanjung.
 - A. Melayu Asli (Proto-Malay)
 - B. Senoi
 - C. Negrito (Semang)
 - D. Dayak
 - E. Orang Ulu

4. Dalam Perlembagaan Malaysia, istilah "Orang Asli" merujuk kepada:
 - A. Kumpulan masyarakat pribumi yang bermastautin di semenanjung di pinggir hutan dan menjalankan kegiatan saradiri secara berhumana.
 - B. Semua kumpulan pribumi di Semenanjung dari suku bangsa Negrito, Senoi dan Melayu-Proto.
 - C. Kumpulan dari suku bangsa minoriti yang bukan Melayu yang bermastautin di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang pernah bernaung di bawah pemerintahan kerajaan Melayu tradisional.
 - D. Semua kumpulan masyarakat yang berasal dari kepulauan Melayu.
 - E. A dan B.

5. Kumpulan budaya-bangsa yang digolongkan sebagai Orang Asli di Malaysia ialah:
- A. Anak watan yang bermastautin di dalam wilayah negara Malaysia yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu atau bahasa-bahasa dari rumpun Melayu sebagai bahasa ibunda.
 - B. Anak watan asal atau natif dari golongan orang Melayu, Orang Asli dan semua suku-suku budaya bangsa di Sabah dan Sarawak yang berasal dari wilayah Nusantara.
 - C. Anak warga kelompok etnik yang berasal dari mana-mana wilayah Nusantara dan berhijrah untuk bermastautin secara tetap di mana-mana wilayah di Semenanjung, Sabah atau Sarawak sebelum tertubuhnya Malaysia.
 - D. Semua warga kelompok budaya atau etnik yang disenaraikan dalam Akta Malaysia 134, Akta Orang Asli 1954 (Pindaan 1974) dan Akta 154.
 - E. Semua warga negara yang bertaraf "bumiputra" mengikut penetapan Perlembagaan Malaysia.
6. Antara kumpulan pribumi yang masih menjalankan sistem ekonomi saradiri secara "meramu-memburu" (hunting and gathering):
- A. Orang Penan dan Banggi.
 - B. Orang Jakun, Orang Temuan dan Semoq Beri.
 - C. Semua kumpulan dari suku bangsa Negrito (Semang).
 - D. A dan C.
 - E. B dan C.
7. Suku kaum Orang Asli yang terbesar di Semenanjung ialah:
- A. Semelai
 - B. Jakun
 - C. Semai
 - D. Ma' betisek
 - E. Orang Seletar

8. Umumnya ragam pengeluaran bercorak Meramu dan Memburu:
- A. Melibat pengumpulan bahan pertanian dan haiwan buruan dan barangantersebut digunakan secukupnya dan yang baki dijual atau ditukar melalui pasaran.
 - B. Berasaskan pengeluaran dari sumber semulajadi dan berjadual mengikut sistem kepercayaan dan agihan rangka tugas berdasarkan sistem kekeluargaan
 - C. Berasaskan satu tahap pembentukan sosial di mana pengeluaran dilakukan untuk memenuhi keperluan pengeluar semata-mata dan bukan untuk tujuan untuk membentuk atau mengujudkan nilai tukaran (exchange value).
 - D. Mengutamakan pengeluaran bahan makanan asas berasaskan pertanian berbagai secara kekal (permanent horticulture) dan tertumpu kepada pengeluaran kanji dari padi sawah, sagu dan ubi-ubian.
 - E. Pengumpulan bahan makanan daripada tumbuhan liar di hutan dan pemburuan haiwan kecil sekadar untuk kegunaan saradiri .
9. Konsep Pribumi Sarawak merangkumi kumpulan anak negeri yang dibahagikan mengikut katagori berikut:
- A. Orang Asal/ Dayak
 - B. Orang Asli/Orang Asal.
 - C. Dayak/Orang Hulu.
 - D. Dayak Laut/ Dayak Darat
 - E. Pribumi/Pendatang .
10. Kumpulan yang terdiri dari katagori Dayak di Sarawak ialah:
- A. Iban, Bidayuh dan Malanau
 - B. Bidayuh, Lun Bawang, Kedayan dan Kelabit
 - C. Melanau, Murut dan Iban
 - D. Melayu Brunei, Melanau, Kedayan
 - E. Dusun, Kadazan, Cocos, Sabaan
11. Sistem kepercayaan Orang Asli secara umumnya berasaskan:
- A. Animisme
 - B. Shamanisme
 - C. Politeisme
 - D. Anamatisme
 - E. Penyembahan Moyang

12. Orang Jakun ialah dari kumpulan:
- A. Melayu Asli
 - B. Senoi
 - C. Semang
 - D. Semelai
 - E. Orang rawa
13. Kumpulan yang tinggal di kawasan paya bakau pesisiran pantai barat semenanjung:
- A. Ma' Betisek (Mah Meri)
 - B. Orang Seletar
 - C. Orang Kuala
 - D. B dan C
 - E. A ,B dan C
14. Kumpulan Orang Asli yang paling lama berada di Semenanjung ialah:
- A. Negrito
 - B. Senoi
 - C. Melayu Asli
 - D. Jakun
 - E. Seletar
15. Mengikut penetapan Akta Orang Asli 1972, di bawah perkara 134, Orang Asli bermaksud:
- A. Berketurunan dari mana suku yang disenaraikan sebagai Orang Asli di semenanjung.
 - B. Kebiasaan berbahasa yang tersenarai dari bahasa Orang Asli.
 - C. Mengamalkan adat resam dan cara hidup Orang asli.
 - D. A dan C benar.
 - E. A, B dan C benar.
16. Sebelum sebutan Orang Asli dirasmikan dalam Perlembagaan, sebutan yang biasa digunakan oleh penulis barat dan oleh orang Melayu ialah Pangan atau Sakai.
- A. Salah
 - B. Benar
17. Mengikut Perlembagaan Orang Asli ialah kumpulan pribumi Malaysia yang bermastautin di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang berasal dari rumpun bahasa austronesian
- A. Salah
 - B. Benar

18. Orang Asli seperti suku kaum Siam, Portugis ialah antara kumpulan bangsa di Malaysia yang diberi pengiktirafan sebagai warga peribumi minoriti yang setiapnya diberi satu kerusi perwakilan di Dewan Negara (Senat).
- A. Benar
 - B. Salah
19. Etnografi ialah gambaran deskriptif menyeluruh dan terperinci tentang budaya dan organisasi sosial sesuatu kumpulan etnik dari kajian yang dilakukan secara berserta-sama.
- A. Salah
 - B. Benar
20. Sehingga tahun 1945 kurun ke-19, sebanyak 12 suku bangsa Orang Asli di Semenanjung sudah disahkan pupus.
- A. Salah
 - B. Benar

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab SEMUA soalan dari bahagian ini. Gunakan ruang jawapan yang disediakan.

- 2. (a) Senaraikan semua kumpulan etnis yang terkandung dalam senarai rasmi mengikut Akta Malaysia 134, Akta Orang Asli 1954 (Pindaan 1974) dan Akta 154 Orang Asli Semenanjung.

(10 markah)
...8/-

BAHAGIAN C (20 markah)

Jawab SATU soalan sahaja dari bahagian ini. Gunakan ruang jawapan yang disediakan.

Soalan No. 3

- (a) Huraikan tekanan sosial mana-mana satu masyarakat Orang Asli Semenanjung dalam menghadapi perubahan persekitaran sosial dan politik yang muncul dari proses pembangunan.

(20 markah)

ATAU

- (b) Jelaskan isu etnologis dan ethnogenesis (sejarah kemunculan kumpulan etnik) kumpulan etnik pribumi Sarawak ATAU anak negeri Sabah.

(20 markah)

ATAU

- (c) Jelaskan pendapat anda dengan bukti yang bersesuaian tentang sama ada berupaya atau tidak masyarakat Orang Asli di Semenanjung menubuhkan satu pelantar sosial yang mampu meyatukan semua suku bangsa Orang Asli dalam satu pakatan kumpulan beri kepentingan formal atau tidak formal dalam masa-masa yang akan datang.

(20 markah)

Blank lined area for text entry.

Blank lined area for writing, consisting of approximately 28 horizontal lines.